



---

**TEKS UCAPAN  
YB DATUK HAJAH RUBIAH BINTI HAJI WANG  
TIMBALAN MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH**

**MAJLIS PERHIMPUNAN BULAN OGOS 2023 DAN  
PELANCARAN BULAN KEBANGSAAN DAN KIBAR JALUR  
GEMILANG KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH**

Tarikh : 22 Ogos 2023 (Selasa)

Masa : 8.30 pagi

Tempat : Dewan Seri Lestari  
Aras B1, KKDW

---

**PENDAHULUAN**

1. Terlebih dahulu marilah kita memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, kita diberi ruang dan kesempatan sekali lagi untuk bersama-sama berhimpun sempena Majlis Perhimpunan Bulan Ogos 2023 dan Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah.

2. Syukur Alhamdulillah ramai warga KKDW dapat berkumpul bersama-sama dengan saya dan barisan pengurusan tertinggi Kementerian dan Agensi sebagai sebuah Masyarakat Malaysia MADANI bagi meraikan Majlis Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang peringkat Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah pada tahun ini.

**Hadirin Yang Dihormati Sekalian,**

### **TEMA HARI KEBANGSAAN DAN HARI MALAYSIA 2023**

3. Sebagaimana semua sedia maklum, Tema Bulan Kebangsaan dan Hari Malaysia 2023 ialah “Malaysia MADANI: Tekad Perpaduan Penuh Harapan” merupakan aspirasi tekad serta komitmen pemimpin bersama rakyat sebagai sebuah negara bangsa yang memiliki semangat perpaduan yang tinggi, bersatu-padu serta kehidupan yang aman dan sejahtera.

4. Justeru, marilah semua warga KKDW dan Agensi sebagai Masyarakat Malaysia MADANI untuk sama-sama kita menghayati tema Bulan Kebangsaan dan Hari Malaysia pada tahun ini dengan penuh semangat Kemerdekaan.

**Hadirin Yang Dihormati Sekalian,**

## **EVOLUSI PEMBANGUNAN DESA**

### **FASA PERANCANGAN & PEMBANGUNAN DESA (1957 - 1990)**

5. Proses pembangunan luar bandar telah bermula sejak negara memperoleh kemerdekaan pada tahun 1957. Kerajaan telah melancarkan pelbagai bentuk program pembangunan khusus untuk penduduk luar bandar pada peringkat awal kemerdekaan diterajui oleh Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia Kedua. Rancangan pembangunan di bawah Dasar Ekonomi Baru (DEB) dilaksanakan menerusi strategi serampang dua mata iaitu pembasmian kemiskinan tanpa mengira kaum dan menyusun semula masyarakat bagi mengurangkan dan seterusnya menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi-fungsi ekonomi. Beberapa agensi pembangunan telah ditubuhkan sejak Merdeka bagi mempercepatkan pembangunan di luar bandar antaranya Lembaga Kemajuan Tanah seperti FELDA, FELCRA, RISDA, dan SALCRA, Lembaga Kemajuan Wilayah seperti DARA, KETENGAH, KESEDAR, KEDA, KEJORA dan PERDA serta agensi-agensi pembangunan lain seperti MARA, JAKOA dan KEMAS.

## **FASA TRANSFORMASI DESA (1990 - 2020)**

6. Selaras dengan matlamat Dasar Pembangunan Nasional (DPN) dan Wawasan 2020, Kementerian telah memperkenalkan falsafah dan strategi baharu Pembangunan Luar Bandar bertujuan untuk memperkukuhkan pembangunan modal insan luar bandar bagi mencapai tahap pembangunan ekonomi serta kesejahteraan yang cemerlang. Gerakan Desa Wawasan (GDW) telah diwujudkan pada tahun 1996 dan diikuti dengan Gerakan Daya Wawasan pada tahun 2003 sebagai satu usaha meningkatkan keupayaan dan potensi masyarakat desa dalam membangunkan kampung masing-masing supaya seiring dengan kemajuan negara. Menyedari kepentingan teknologi maklumat dalam era globalisasi, usaha pembangunan luar bandar diperluaskan lagi melalui penyediaan kemudahan infrastruktur teknologi maklumat di luar bandar dengan mewujudkan Medan Infodesa (MID).

## **FASA DESA SEJAHTERA DAN MAMPAN (MALAYSIA MADANI)**

7. Dasar Pembangunan Luar Bandar 2030 (DPLB 2030) telah dilancarkan sebagai panduan pembangunan desa yang sejahtera, inklusif, mampan dan holistik. DPLB 2030 mengandungi 10 teras yang merupakan bidang keutamaan di luar bandar termasuk ekonomi, keusahawanan, modal insan, prasarana, belia, wanita, kehidupan sejahtera, sistem penyampaian, alam sekitar dan perumahan.

8. Pada 27 Julai 2023, YAB Perdana Menteri telah membentangkan kerangka Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat sebagai wadah mengangkat semula darjat dan martabat negara ini dengan menstruktur semula ekonomi ke arah Malaysia sebagai peneraju ekonomi di rantau Asia Tenggara. YAB Perdana Menteri telah menetapkan tujuh (7) penanda aras sebagai sasaran matlamat Ekonomi Madani yang mahu dicapai sebelum 10 tahun iaitu:

- i. Malaysia berada di kedudukan antara 30 ekonomi terbesar di dunia;
- ii. Indeks Daya Saing Global di tangga ke-12 teratas dunia;
- iii. Peratusan pendapatan buruh mencapai 45% daripada jumlah keseluruhan pendapatan;
- iv. Kadar penyertaan wanita dalam tenaga buruh mencapai 60%;
- v. Indeks Pembangunan Manusia di tangga 25 teratas dunia.
- vi. Indeks Persepsi Rasuah di tangga 25 teratas dunia; dan
- vii. Kemampanan fiskal dengan defisit fiskal mencapai 3% atau lebih rendah.

9. Inisiatif Ekonomi Madani ini meletakkan kepentingan kepada peningkatan daya saing ekonomi negara tanpa mengenyepikan kehidupan dan kesejahteraan rakyat termasuk di kawasan luar bandar. Bagi mencapai hasrat ini, berikut merupakan antara ikhtiar serta inisiatif khusus yang akan dilaksanakan oleh KKDW:

a) **Menoktahkan kemiskinan tegar pada tahun 2023.** Antara program yang dilaksanakan di KKDW adalah:

- Program Peningkatan Pendapatan (PPP) yang menyasarkan 1,200 peserta dengan peruntukan berjumlah RM12 juta yang mana para peserta PPP dapat meningkatkan pendapatan sebanyak 30% berbanding pendapatan asal.
- Program Latihan dan Kemahiran Kerjaya (PLKK) yang menyasarkan 1,900 peserta dengan peruntukan berjumlah RM10 juta yang mana peserta yang tamat latihan di bawah PLKK akan mendapat pekerjaan atau menjalankan aktiviti ekonomi sendiri.
- Program Desa Lestari yang menyasarkan penglibatan 10 koperasi kampung dengan peruntukan sebanyak RM12.1 juta yang mana kampung yang dipilih akan berjaya menjana pendapatan dan mewujudkan banyak peluang pekerjaan selepas setahun pelaksanaan.
- Projek Bersepadu Pembangunan Ekonomi Kampung (PROSPEK) yang menyasarkan 700 orang peserta dengan peruntukan RM23.8 juta bertujuan untuk meningkatkan pendapatan peserta melalui bantuan ekonomi.

b) **Pembangunan infrastruktur luar bandar yang bertaraf dunia.** KKDW yang diberikan peruntukan sebanyak RM11.04

bilion bagi tahun 2023 oleh YAB Perdana Menteri akan meneruskan program pembangunan infrastruktur luar bandar seperti Bekalan Elektrik Luar Bandar, Bekalan Air Luar Bandar, Jalan Luar Bandar dan Jalan Perhubungan Desa, Program Ameniti Sosial serta Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) bagi memastikan penduduk desa termasuk di kawasan pedalaman dan Perkampungan Orang Asli mempunyai perkhidmatan asas yang lengkap. KKDW juga akan berkolaborasi bersama Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD) untuk meningkatkan capaian internet di kawasan luar bandar termasuk di pedalaman kerana ianya telah menjadi keperluan asas dan buat masa ini capaian internet di luar bandar adalah 89.2% sahaja.

- c) **Pemeriksaan Perusahaan, Mikro, Kecil dan Serdahana (PMKS).** YAB Perdana Menteri telah mengumumkan penambahan peruntukan RM400 juta untuk pinjaman mikro di bawah agensi kerajaan termasuk MARA bagi memberi peluang kepada usahawan termasuk usahawan luar bandar yang rata-ratanya daripada golongan usahawan mikro untuk memperluas perniagaan termasuk melalui platform digital. Selain itu, KKDW juga melaksanakan program pembiayaan perniagaan seperti Skim Pembiayaan Ekonomi Desa (SPED) dan skim pembiayaan perniagaan di bawah MARA termasuk khusus untuk Wanita dan Orang Kelainan Upaya (OKU). Terdapat juga

Program Peningkatan Pendapatan di bawah KEMAS iaitu melalui Kursus *Quick Win* dan Aktiviti Ekonomi Tambahan dengan memberikan latihan, bimbingan dan peralatan secara percuma kepada peserta yang layak.

- d) **Memperkukuh program pendidikan dan pembangunan modal insan terutamanya program TVET.** KKDW akan terus memperkukuh program pendidikan dan pembangunan modal insan sedia ada termasuk menambah baik kemudahan dan silibus TABIKA dan TASKA KEMAS dan meningkatkan pendidikan TVET yang lebih berminda permintaan (*demand driven*) di 280 institusi TVET di bawah KKDW. KEMAS akan melaksanakan Program TABIKA Pra Tahfiz secara rintis yang melibatkan 100 buah TABIKA KEMAS dan 1,500 orang kanak-kanak bermula Ogos 2023. Program ini adalah bagi memperkasakan Pendidikan Al-Quran di TABIKA KEMAS selain melalui pelaksanaan Modul Penghayatan Pendidikan Islam (PPI).

Pemeriksaan TVET di MARA juga dilaksanakan melalui program artikulasi TVET dalam dan luar negara, pelaksanaan *Embedded Dual Certification Programme* di samping mengaplikasikan teknologi IR4.0. KKDW juga turut memperkenalkan konsep *Teaching Factory* yang merupakan sebahagian inisiatif model *Industry Based Education and*



*Training* (IBET) di Institusi TVET@KKDW. Model IBET memberi peranan kepada institusi TVET sebagai pusat pengajaran dan pembelajaran berorientasikan industri bagi memastikan kualiti graduan TVET yang dihasilkan adalah memenuhi keperluan industri.

TVET JELITA atau (Job Empowerment by Learning and Inclusive Technical Advancement) yang baru diumumkan oleh YAB Menteri pada 3 Ogos 2023 diasaskan bertujuan merealisasikan inisiatif kerajaan untuk memperkasakan ekonomi wanita di negara ini menerusi program latihan dan kemahiran. TVET JELITA merupakan satu program di bawah program induk TVET Khas Wanita yang diusahakan bersama Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dan Kolej Universiti Agrosains Malaysia (UCAM) sebagai sebagai ejen pelaksana penyedia kursus dan kemudahan latihan. Program ini mensasarkan 15,000 peserta wanita diseluruh negara termasuk kawasan pinggir desa bagi melahirkan lebih ramai wanita yang berkerjaya, profesional dan berdaya saing.

Semua institusi TVET KKDW selain UniKL dan Universiti Poly-Tech Malaysia akan disatukan di bawah satu bumbung walaupun secara fizikalnya setiap institusi masih berada di bawah tanggungjawab agensi-agensinya yang berkenaan. Penyelarasan akan dilaksanakan bagi merealisasikan hasrat

untuk menggabungkan institusi-institusi berkenaan di bawah Kolej Universiti Agrosains Malaysia (UCAM) iaitu institusi di bawah RISDA memandangkan RISDA mempunyai lesen Kolej Universiti.

e) **Meningkatkan keterjaminan makanan negara.** KKDW menyokong agenda meningkatkan keterjaminan makanan negara melalui program-program pertanian berskala besar yang dilaksanakan oleh agensi KKDW seperti FELCRA, RISDA dan Lembaga Kemajuan Wilayah (LKW). Antaranya:

- Program ternakan lembu secara integrasi di bawah FELCRA dan RISDA.
- Projek ternakan ayam oleh FELCRA yang akan dilaksanakan di Tanjung Seratus diKuala Rompin, Sungai Damak diLipis, Paloh 4 di Gua Musang, Bagan Datuk di Perak dan Padang Terap di Kedah.
- Program pembangunan ladang sekuriti makanan di bawah Lembaga Kemajuan Wilayah. Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA) telah menandatangani MOU untuk membangunkan kawasan pertanian di Kluang dengan keluasan 176 ekar. Projek tersebut dijangka dapat mengeluarkan kelapa mentah sebanyak 600 metrik tan dengan anggaran pendapatan sebanyak RM483 ribu setahun. Program ini juga dapat menyediakan peluang

pekerjaan kepada 110 penduduk di sekitar kawasan KEJORA.

- Projek agromakanan seperti sayuran dan buah buahan oleh sama ada secara individu atau berkelompok di bawah LKW.

10. Kerangka Ekonomi MADANI yang telah dibentangkan oleh YAB Perdana Menteri adalah untuk memperkasa seluruh entiti negara bermula dari rakyat, Kerajaan, pertubuhan bukan Kerajaan dan sektor swasta. Oleh itu, kita semua perlu bertekad merangkul seluruh kekuatan dan tenaga bagi menjayakan iltizam ini. Pelaksanaan setiap inisiatif ini perlulah mengikut tatakelola yang telah digariskan dan tidak memberikan sebarang kompromi terhadap ketirisan serta kualiti kerja.

**Hadirin Yang Dihormati Sekalian,**

**PROGRAM SEMARAK KEMERDEKAAN DAN SESI  
PENYERAHAN JALUR GEMILANG PERINGKAT KKDW**

11. Saya dimaklumkan bahawa Kementerian dan Agensi KKDW telah menjalankan program-program yang bertujuan untuk meningkat dan menyemarakkan semangat kemerdekaan di kalangan anggota dalaman dan komuniti luar bandar bersempena Kemerdekaan Malaysia yang ke-66. Sebelum menghadiri majlis ini, saya berkesempatan untuk melawat ke Sudut Keceriaan Merdeka

iaitu di Aras 25, luar bangunan dan di lobi KKDW. Saya turut dimaklumkan sudut keceriaan ini merupakan aspek di bawah Program Keceriaan Antara Kementerian Sempena Bulan Kebangsaan 2023 anjuran Jabatan Penerangan, Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD) dengan penglibatan oleh semua Kementerian dan tahun ini merupakan tahun ke-3 dilaksanakan. Tahniah dan syabas! Begitu hebat penghayatan oleh warga Kementerian dan diterjemahkan dengan arca serta hiasan menarik yang menyuntik semangat cintakan Negara. Semoga prestasi lima (5) bintang pada tahun lepas dapat dikekalkan pada tahun ini.

12. Perbarisan dan Perarakan Hari Kebangsaan 2023 pada 31 Ogos 2023 akan diadakan di Putrajaya. Selain daripada kontingen Kementerian dan Agensi KKDW, Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) turut terlibat semasa acara perbarisan dan perarakan Hari Kebangsaan 2023 di bawah Kontijen Komuniti. Terima kasih di atas penyertaan saudara dan saudari sekalian di bawah nama KKDW dan kita akan bersama-sama meraikannya pada hari tersebut.

13. Pada hari ini, Kementerian akan mengadakan sesi penyerahan Jalur Gemilang kepada Ketua Setiausaha dan Ketua Agensi. Diharapkan simbolik sesi penyerahan Jalur Gemilang ini akan menyemarakkan lagi semangat kita semua untuk menyambut bulan bersejarah ini dan seterusnya meningkatkan penghayatan kita semua mengenang jasa pemimpin dan pejuang Kemerdekaan.

## **HARAPAN**

14. Marilah kita sama-sama berdoa, Semoga Hari Kemerdekaan yang bertemakan “Malaysia MADANI: Tekad Perpaduan Penuh Harapan” pada tahun ini membawa perpaduan dan kesejahteraan kepada seluruh rakyat dan warga KKDW akan terus mencipta lebih banyak kejayaan serta mengecapi masa depan yang lebih cemerlang dan gemilang pada masa akan datang.

15. Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan penghargaan dan tahniah kepada YBhg. Dato’ Sri KSU dan semua warga KKDW yang telah terlibat dalam menjayakan majlis ini.

16. Sekali lagi saya ingin mengucapkan Selamat Hari Merdeka dan Hari Malaysia.

17. Dengan lafaz bismillah, saya merasmikan Majlis Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang 2023 Peringkat Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah.

Sekian, terima kasih.